

DATE: **22 APRIL 2017 (SATURDAY)**

MEDIA: **BERITA HARIAN – FOMEMAM GALAK DERMA DARAH – PG.78**

→ SIHAT



Kami menyeru orang ramai tampil menderma bagi memastikan bekalan mencukupi untuk menampung keperluan semasa”

**Mohd Hatar Ismail,**  
Presiden FOMEMA

## FOMEMA galak derma darah

→ Kempen tingkat kesedaran masyarakat terus menderma

**A**geni Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing (Fomema) meneruskan usaha mengisi bekalan darah Pusat Darah Negara menerusi Kempen Derma Darah, baru-baru ini.

Program masuk tahun ketiga itu dihadiri Presidennya, Datuk Mohd Hatar Ismail.

Tahun ini program kali pertama berlangsung di pejabat urusan FOMEMA The Icon @ Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Mohd Hatar berkata, ini adalah usaha berterusan pihaknya dalam meningkatkan kesedaran umum untuk terus menderma.

### Pupuk kesedaran

Beliau berkata, inisiatif ini juga dapat memupuk semangat peka masyarakat mengenai kepentingan kerjasama dalam menangani keperluan mendesak terutama pada musim perayaan.

“Sejak tahun pertama kempen dilancarkan, FOMEMA mengumpul 70 beg darah. Sementara itu pada tahun 2016, sebanyak 100 beg disumbangkan kepada Pusat Darah Negara.

“Kami menyeru orang ramai tampil menderma bagi memastikan bekalan mencukupi untuk menampung keperluan semasa,” katanya.

Sementara itu, Pusat Darah Negara dalam kenyataannya, berkata setiap satu beg darah boleh menyelamatkan tiga nyawa.

“Kami menyasarkan mendapatkan lebih ramai penderma bagi kempen akan datang bagi memastikan bekalan mencukupi,” katanya.



**Kempen** derma darah anjuran FOMEMA di ibu negara, baru-baru ini.